

**HUMAN DEVELOPMENT FOR MUSLIMS REVERTS THROUGH
PHILANTHROPIC-BASED EDUCATION AT HIDAYAH CENTER FOUNDATION**

**PEMBANGUNAN INSAN TERHADAP SAUDARA BARU MELALUI PENDIDIKAN
BERASASKAN FILANTROPI DI HIDAYAH CENTRE FOUNDATION**

Hajar Opir ⁱ, Wan Yusnee Abdullahⁱⁱ, Ezatul Emilia Muhammad Arif ⁱⁱⁱ & Joannes Lukas ^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. hajar_opir@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Pusat Pengajian Asasi & Umum, Universiti Selangor, Shah Alam. wanyusnee@unisel.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kajang. ezatul@utar.edu.my

^{iv} Ketua Pegawai Eksekutif, Hidayah Center Foundation, Kuala Lumpur. joanneslukas@gmail.my

Abstract	<p><i>The contribution of the Hidayah Center Foundation (HCF) as a non-governmental organization is significant to help and support Muslim reverts. In addition to being a platform for welfare, protection and security, HCF also consistently focuses on empowering Muslim reverts to remain relevant and competitive. However, to ensure the survival and continuity of human development, HCF needs a sustainable curriculum in the education of the new reverts and sustainable financial stability. Therefore, this study aims to analyze the development of Muslim reverts through holistic education at HCF. It also identifies philanthropic initiatives through various instruments. This study uses a mixed method integrating qualitative and quantitative methods. Qualitative research uses interview methods and content analysis through library research and relevant documents. While the quantitative method uses online questionnaires and percentage descriptive analysis. The results of the study found that the development of Muslim reverts through mentoring classes for new brothers and philanthropy contributed significantly to producing competent reverts and displaying viable organisational management.</i></p> <p>Keywords: <i>Development, Muslim, Reverts, Education, Philanthropy.</i></p>
Abstrak	<p><i>Sumbangan Hidayah Centre Foundation (HCF) sebagai badan bukan kerajaan sangat signifikan bagi membantu dan menyokong saudara baru. Selain menjadi wadah kebajikan, perlindungan dan keselamatan, HCF juga secara konsisten memberi tumpuan kepada mengupayakan saudara baru agar terus relevan dan berdaya saing. Namun, bagi memastikan kelangsungan dan kesinambungan pembangunan insan, HCF memerlukan kurikulum yang mampan dalam pendidikan saudara baru dan kestabilan kewangan yang mampan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisa pembangunan insan saudara baru melalui pendidikan yang holistik di HCF. Ia juga mengenalpasti inisiatif filantropi melalui instrumen yang pelbagai. Kajian ini menggunakan mix methode mengintegrasikan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian Kualitatif menggunakan metode temubual dan analisa kandungan melalui penyelidikan perpustakaan serta dokumen yang relevan. Manakala kaedah kuantitatif menggunakan soalselidik secara atas talian dan analisa diskriptif peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa pembangunan</i></p>

	<i>insan saudara baharu melalui kelas bimbingan saudara baru dan filantropi menyumbang secara signifikan bagi melahirkan saudara baru yang kompeten dan pengurusan yang berdaya maju.</i>
--	---

	Kata kunci: <i>Pembangunan, Saudara, Baru, Pendidikan, Filantropi.</i>
--	--

PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan, Pembangunan berasal dari kata dasar bangun. Ia membawa maksud perihal membangun, proses membangun atau usaha membangunkan. Insan didefinisikan sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT. Ia juga bererti manusia yang tidak terlepas daripada kealpaan (Noresah Baharom, 2007). Pembangunan lazimnya diertikan bagi menunjukkan sesuatu peningkatan atau pertumbuhan daripada tahap rendah kepada yang lebih tinggi (Faudzinaim, 2006). Menurut Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2003) pembangunan bermaksud berlakunya pertumbuhan terhadap sesuatu atau seseorang ke arah yang lebih maju. Ini merangkumi sesebuah masyarakat atau negara yang bersifat proaktif ke arah memaju dan meningkatkan kualiti kehidupan (Nik Mustafa, 2005).

Pembangunan insan banyak disentuh oleh para sarjana yang mengekspresasikan keperluan dan kepentingan membangun karakter manusia dalam dimensi yang luas. Ia merujuk kepada pertumbuhan dan perubahan ke atas individu, komuniti dalam pelbagai aspek (Sidek Baba, 2008). Dalam erti kata lain memperkasakan individu dan anggota komuniti (Hasnah Hussin, 2007). Menurut Syed al-Attas pembangunan modal insan adalah mengubah keadaan sedia ada menjadi lebih baik. Ini dapat direalisasikan dengan pembentukan masyarakat yang sempurna (Mohd Fauzi & Mohd Khairul, 2012). Konsep pembangunan insan juga merupakan sebahagian daripada konsep pembangunan manusia yang lebih besar, yang sudah diiktiraf dan diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak tahun 1990 (Haryati et al., 2009). Abdul Rahman (2006) menjelaskan pembangunan insan menurut perspektif Islam ialah membangun keperibadian manusia seutuhnya secara holistik merangkumi aspek keluhuran spiritual, kekuatan fizikal dan ketaakulan kognitif. Ia mampu menjana individu yang melaksanakan tugas dengan semaksimum tenaga yang lahir daripada kesedaran dalaman, kesungguhan, disiplin dan visi yang jelas. Ia disokong oleh Chandra Muzafar yang menyatakan tingkahlaku tersebut didorong demi mengejar al-Falah (Faridah Che Husain et al., 2007). Teori pembanguna insan sebagai modal penting dalam sesebuah negara juga dibicarakan oleh intelektual barat. Schultz (1971) mengakui bahawa manusia adalah sumber kepuasan dan pulangan keuntungan akan datang (*future, satisfaction and future earning*). H. Von Thunen pula berpendapat bahawa kegagalan untuk mengaplikasikan konsep modal kepada manusia adalah seperti kerosakan dalam peperangan (*pernicious in war*) yang menggambarkan kepentingan manusia sebagai penggerak kepada pembangunan dan kemajuan (Schultz, 1971). Malah Alfred Marshall meletakkan pelaburan kepada manusia sebagai modal yang paling bernilai berbanding modal-modal lain (Dhesi Autar S, 1979).

Walaupun para sarjana barat melihat pembangunan insan dari aspek fizikal berasaskan ekonomi dan industri semata-mata tetapi ia tidak menafikan aspek keupayaan manusiawi itu sendiri. Menurut Mohd Kamal Hassan (1988) pendekatan pembangunan Islam lebih holistik kerana ia mengintegrasikan kemampuan manusia yang bersifat multi-dimensi, melibatkan kuantitatif dan kualitatif berasaskan sumber primer. Syed Othman al-Habshi (1990) bersetuju dengan pandangan ini malah merumuskan konsep pembangunan insan bersifat menyeluruh merangkumi aspek moral, material dan kerohanian. Ia berasaskan pendekatan *tauhid* (keesaan dan kekuasaan Allah SWT), *rububiyah* (sifat Allah sebagai penguasa), *khilafah* (peranan manusia sebagai utusan Allah SWT di bumi) dan *tazkiyyah* (penyucian dan pertumbuhan).

Manakala istilah Filantropi berasal dari gabungan dua perkataan Greek iaitu *phil* (cinta) dan *anthropos* (manusia). Ia digunapakai dalam bahasa latin sebagai *philanthropia*

dan diubah ke dalam bahasa Inggeris menjadi *philanthropy* (Merriam-Webster, t.t.). Ia bermaksud perbuatan atau pemberian yang dilakukan untuk tujuan kemanusiaan. Kamus Dewan mentakrifkan sebagai kedermawanan dan rasa kasih sayang terhadap manusia (Noresah Baharom, 2007). Menurut Gadner filantropi adalah menggunakan harta persendirian secara imaginatif untuk menangani masalah-masalah asas dalam komuniti (Flatto, 2015). Payton (1988) pula menyatakan filantropi merupakan amalan sukarela demi kebaikan umum. Ia bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat (Bremner, 1960). Manakala McCully (2008) menyimpulkan bahawa filantropi adalah inisiatif persendirian sama ada individu, persatuan atau badan bukan kerajaan yang dilakukan untuk kebaikan dan kepentingan umum yang memberi fokus kepada peningkatan kualiti hidup. Konsep filantropi juga sinonim dengan *charity* (Kim Klein, 2001), tetapi terdapat jurang berbezaan yang luas antara keduanya. Gunderson menyatakan (Smith, 2014);

“Charity tends to be a short-term, emotional, immediate response, focused primarily on rescue and relief, whereas philanthropy is much more long-term, more strategic, focused on rebuilding.”

Walaupun istilah filantropi merupakan epistemologi barat, namun konsep tersebut sangat signifikan dengan falsafah ajaran Islam dalam konteks kedermawanan. Menurut Razali (2017) filantropi Islam bertunjangkan semangat berlumba-lumba untuk menyumbang. Ia sinonim dengan kedermawanan yang merangkumi perbuatan baik kepada alam seperti memberi makan kepada binatang dan menyiram tanaman. Bahkan setiap amalan kebaikan seperti bekerja, menziarahi orang yang sakit, mengukuhkan hubungan intim suami isteri, melakukan amal *ma'ruf* dan menyanggah kemungkaran demi meraih redha Allah SWT juga termasuk dalam skop kedermawanan (Abdullah alqari, 2018). Pandangan ini seiring dengan kenyataan Ibrahim (2008) yang mengulas bahawa filantropi adalah pemberian sosial (*al-'ata' al-ijtima'i*), solidariti kemanusiaan (*al-takaful al-insani*) atau pemberian untuk kebaikan (*'ata' khairi*). Istilah lain yang digunapakai adalah perbuatan baik (*al-birr*) dan sedekah (*al-sadaqah*). Ia menepati sabda Nabi Muhammad SAW;

{ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُلُّ مَعْرُوفٍ صَدَقَةٌ }

Maksudnya: “Setiap perbuatan baik itu adalah sedekah” (Hadis. al-Bukhariyy. *Bab Kullu Ma'ruf Sadaqah*. 6021).

Justeru, filantropi dalam Islam mempunyai ruang lingkup yang lebih luas. Skop kedermawanan bukan terhad dalam aspek kewangan sahaja malah meliputi semua perkara yang baik, kepada semua makhluk termasuk elemen tenaga. Pada prinsipnya sifat kedermawanan terbentuk di atas sifat semulajadi manusia. Ini kerana setiap manusia secara fitrahnya mempunyai keinginan untuk melakukan kebaikan. Hakikatnya ia merupakan menifestasi nilai dan sikap murni seseorang individu. Malah menyerlahkan kualiti keimanan dan kesedaran yang tinggi untuk membantu sesama manusia demi mentaati perintah Allah SWT secara sukarela (Mehmet, 1977). Kenyataan ini bertepatan dengan pandangan Alterman dan Hunter (2004) yang menyatakan bahawa terdapat kolerasi yang rapat antara kepercayaan (keimanan) dan amal dalam proses pembinaan masyarakat yang sejahtera dan harmonis. Sedekah bukan sahaja aktiviti yang berbentuk *ubudiah* kepada Allah SWT semata-mata, namun dalam masa yang sama amal tersebut mengukuhkan keimanan dan membangunkan masyarakat secara bersepadu. Instrumen filantropi dalam tradisi Islam direalisasikan melalui pelbagai bentuk seperti zakat, infak, sedekah dan wakaf (Abu Zahrah, 2005). Menurut Hasan Bahrom (2013) khairat, takaful dan wasiat juga termasuk dalam kategori filantropi. Ini menunjukkan bahawa kedermawanan dalam bentuk perlaksanaan menjangkau kepada isu-isu keadilan sosial, kesejahteraan ummah, masyarakat madani, tata kelola yang baik dan pengurusan yang professional (Ismail, 2014).

Konklusi daripada perbincangan di atas menunjukkan terdapat konfigurasi filantropi Islam antara pemberi dan penerima. Sebagai pemberi ia merupakan mediator dalam meningkatkan ketakwaan dan ubudiah kepada Allah SWT, menyemai rasa belas kasihan yang tinggi, menghilangkan sifat bakhil dan kikir, membersihkan sifat ananiah, ego, rakus, materialistik, individualistik sebaliknya meningkatkan kualiti sifat dan hati yang mulia. Manakala dari aspek penerima, bantuan yang diterima menjadi modal bagi menggerakkan aktiviti dan amal sekaligus menghindarkan bahaya kekufuran dan kefakiran serta penyakit hati seperti sifat iri hati. Justeru, filantropi Islam memupuk dua dimensi yang saling melengkapi iaitu dimensi individu (memberi) dan dimensi sosial (tanggung jawab sosial).

METODE KAJIAN


Kajian ini menggunakan reka bentuk *mix methode*. Kaedah kualitatif dilaksanakan melalui analisa kandungan dan temubual. Pengumpulan data adalah berdasarkan dokumen teks daripada laporan-laporan tahunan Hidayah Centre Foundatin (HCF) dari tahun 2020 hingga 2021 dan silibus kelas bimbingan saudara baharu (asas, pertengahan & lanjutan). Ia mampu membantu pengkaji meneroka dan mendapatkan maklumat secara mendalam dan tepat (Kamal Azmi, 2017). Manakala temubual secara berstruktur dilakukan kepada instrumen filantropi yang diaplikasikan dalam pengurusan HCF melibatkan responden yang mempunyai autoriti dalam pengurusan kanan HCF. Analisa data pula berasaskan kandungan tema (*thematic content analysis*) iaitu pengkelasan corak tertentu secara sistematik dan jelas bagi mengelakkan pertindihan (Lofland, 1995). Semua idea yang digarap disusun kepada tema pembangunan insan melalui pendidikan (kelas bimbingan) dan instrumen filantropi yang diaplikasikan sehingga menjadi pembolehubah yang saling berkaitan antara satu sama lain (Chua, 2006). Kajian ini dilengkapi dengan kaedah kuantitatif menggunakan soalselidik berdasarkan persampelan. Sample dilakukan terhadap 34 responden secara atas talian di Sabah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sejak penubuhan Hidayah Centre Foundation pada tahun 2005, HCF telah merangka pelbagai aktiviti bagi memastikan kelestarian pembangunan modal insan saudara baru dengan pendekatan dan metodologi yang holistik. Inisiatif Kelas Bimbingan Muallaf adalah platform yang efektif bagi membangunkan potensi dan kompetensi diri agar mampu mandiri seterusnya menjadi agen perubah dalam masyarakat. Usaha murni ini tidak dapat dijayakan dengan dokongan yang utuh dari aspek kewangan kerana dana yang mampan mampu untuk menggerakkan pembangunan insan dengan lebih cemerlang.

Instrumen Filantropi dan Pengurusan Kewangan

Pengoperasian HCF adalah bergantung sepenuhnya kepada filantropi daripada sumbangan individu mahupun korporat (syarikat) atau NGO atau agensi. Melalui temu bual yang dijalankan (Muhammad Fakharuddin, 2020) HCF berjaya mengurus dengan sangat cermat, teliti dan telus dalam menguruskan perbelanjaan kewangan. Buktinya HCF telah berjaya mengurus perbelanjaan pengurusan tidak melebihi 18% seperti mana yang telah ditetapkan iaitu maksimum 20%. Baki 80% digunakan untuk sokongan muallaf, program dakwah, pembangunan infrastruktur, latihan dan sukarelawan. Penggunaan dana ini telah dilaporkan secara konsisten dalam Laporan Tahunan 2020 dan 2021.



Rajah 1: Penggunaan Dana HCF tahun 2020



Rajah 2: Penggunaan Dana HCF tahun 2021

Rajah 1 dan rajah 2 menunjukkan bahawa perbelanjaan bagi pengurusan telah diuruskan dengan berhemah dan teliti (Laporan Tahunan HCF 2020 dan 2021). Terdapat lima (5) bidang tumpuan utama pengurusan kewangan iaitu program dakwah, sokongan muafaf, latihan da'ie dan sukarelawan, pembangunan infrastruktur dan pengurusan. Data menunjukkan bagi kedua-dua tahun perbelanjaan pengurusan tidak melebihi 20%. Ini membuktikan bahawa pihak pentadbiran HCF dapat mengurus kewangan dengan cekap dan efisien. Bahkan berjaya mencapai sasaran polisi kewangan yang telah ditetapkan.

Profil Kelas Bimbingan Saudara Baru


Kelas Bimbingan Saudara Baru adalah inisiatif strategik oleh HCF untuk pembangunan insan yang holistik merangkumi aspek *kognitif* (akal), *afektif* (jiwa & spritual) dan *psikomotor* (fizikal). Ia adalah wahana bagi melahirkan saudara baru yang berdaya saing, berakhlak mulia, jati diri yang unggul, kompeten dan inovatif. Kelas ini berperanan untuk membimbing Saudara Baru dalam memahami, mempelajari, menghayati seterusnya mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian mereka. Kelas bimbingan ini dirancang

dengan sistematik merangkumi pelbagai bidang seperti ilmu akidah, fekah, akhlak, sirah, hadis dan al-Quran. Malah yang lebih unik kelas ini juga dibuka penyertaannya kepada orang yang belum Islam yang berminat untuk mempelajari Islam. Pelaksanaan kelas bimbingan ini mencakupi seluruh negeri di Malaysia. Ia melibatkan pelbagai kawasan sama ada di pinggir bandar, bandar termasuk di pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak. Jadual 1 menunjukkan profil Kelas Bimbingan yang telah dijalankan pada tahun 2020 dan 2021.

Tahun	Bilangan Negeri	Bilangan Kawasan	Bilangan Saudara Baru
2020	10	32	1107
2021	10	25	762

Jadual 1: Kelas Bimbingan Saudara Baru Tahun 2020 dan 2021

Pada peringkat awal pelaksanaan kelas bimbingan adalah secara bersemuka (*face to face*). Namun, ketika negara dilanda wabak COVID-19, HCF mengambil langkah inovatif dengan melaksanakan kelas bimbingan secara atas talian (*online*). Walaupun pada peringkat awal peserta kurang selesa, namun penyertaan secara atas talian mendapat sambutan yang baik dan diterima sebagai norma baharu yang menarik dan efisien. Ini dapat digambarkan melalui Rajah 3 yang dilaksanakan secara interaktif dan bersistematik. (Laporan Tahunan HCF 2020 dan 2021)



Rajah 3: Kelas Bimbingan Saudara Baru secara Atas Talian

Silibus Kelas Bimbingan Saudara Baru

Hidayah Centre Foundation telah menyediakan silibus kelas Bimbingan Saudara Baru yang merupakan kurikulum bersepadu bagi mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan. Silibus ini dibangunkan secara holistik bagi membina insan yang rabbani, kompeten dan mandiri. Ia diklasifikasikan kepada tiga (3) tahap dengan tempoh tertentu merangkumi pelbagai bidang yang strategik. Jadual 2 di bawah memperincikan silibus tersebut.

Bil	Tahap	Tempoh	Bidang
1	Asas	6 bulan	Akidah, Ibadah, Akhlak & Amalan Sehari-hari, Seerah, Muamalah (rezeki & harta), Perundangan Islam, Quran, Hadis dan Iqra'.
2	Pertengahan	6 bulan	Akidah, Ibadah, Akhlak & Amalan Sehari-hari, Seerah/Tamadun Islam, Muamalah (rezeki & harta), Perundangan Islam, Quran, Hadis, Iqra' dan Munakahat
3	Lanjutan	6 bulan	Akidah, Ibadah, Seerah/Tamadun Islam, Muamalah (ekonomi Islam), Perundangan Islam, Quran, Hadis, Iqra' dan Dakwah & Perbandingan Agama.

Jadual 2: Silibus Kelas Pengajian Islam Saudara Baru

Jadual 3 menunjukkan tiga (3) tahap silibus yang dibangunkan oleh Kumpulan Pakar Kurikulum di HCF (Silibus Kelas Pengajian Islam Saudara Baru HCF). Daripada data di atas, tempoh setiap tahap adalah sama iaitu enam (6) bulan. Manakala dalam aspek bidang terdapat perbezaan mengikut tahap selari dengan perkembangan keupayaan dan kompetensi peserta. Sebagai contoh pada tahap Pertengahan ditambah bidang baharu iaitu Munakahat dan diluaskan skop Seerah dengan topik Tamadun Islam. Pada tahap Lanjutan, bidang Akhlak dan Amalan Sehari-hari diganti dengan bidang Dakwah dan Perbandingan Agama. Begitu juga bidang Muamalah diluaskan skop dengan sub topik Ekonomi Islam. Keanjalan @ fleksibiliti ini menunjukkan pembangunan kurikulum dirangka berdasarkan tahap kemampuan peserta setelah mengikuti pembelajaran dan pengajaran dalam tempoh tertentu. Dalam aspek huraian sukatan pelajaran pula, dihuraikan topik dan sub topik yang perlu dicapai di akhir sesuatu pembelajaran selari dengan tahap silibus yang dibangunkan. Sebagai contoh untuk topik Akidah, sub topik yang dirangka adalah berbeza mengikut tahap Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Pada peringkat asas peserta akan diajar berkaitan Pengenalan asas Islam, ketuhanan dalam Islam, kepercayaan kepada malaikat, konsep kerasulan, konsep insan dan alam. Pada peringkat Pertengahan, peserta diajar berkaitan konsep pahala, dosa dan balasan, qadha' dan qadar serta perkara yang membatalkan akidah, manakala pada peringkat lanjutan peserta diajar berkaitan aliran pemikiran dalam Islam serta aliran pemikiran moden atau asing dalam Islam.

Bil	Tahap	Keterangan
1	Asas	<ul style="list-style-type: none"> • Kefahaman akidah yang jelas dan mantap terutamanya rukun Iman dan Rukun Islam. • Boleh melaksanakan solat sekurang-kurangnya niat, Fatimah, bacaan sujud, rukuk serta tahiyat. • Memahami asas bersuci dan tahu cara-cara melaksanakan wudhuk dan mandi wajib.

2	Pertengahan	<ul style="list-style-type: none"> • Mampu melaksanakan perkara wajib seperti solat, menutup aurat dan meninggalkan perkara yang dilarang. • Dapat mempraktikkan nilai-nilai murni, adab dan akhlak Islam. • Memahami dengan baik fiqh solat & ibadah. • Mengenal huruf al-Quran dan boleh mengeja kalimahringkas.
3	Lanjutan	<ul style="list-style-type: none"> • Sudah boleh berdikari dan bersedia untuk bergelarmukallaf. • Menguasai cabang ilmu yang lebih tinggi. • Boleh membaca al-Quran dengan baik. • Bersedia untuk dilatih menjadi da'i.

Jadual 3: Sasaran Silibus Mengikut Tahap

Jadual 3 menunjukkan sasaran silibus kepada peserta yang mengikuti Kelas Bimbingan Saudara Baru (Silibus Kelas Pengajian Islam Saudara Baru HCF). Ia menunjukkan keupayaan dan kompetensi diri secara bertahap. Tahap Asas adalah melahirkan Saudara baru yang menguasai prinsip-prinsip sebagai seorang muslim dari aspek kepercayaan dan ibadah. Tahap Pertengahan membangunkan kapasiti muslim yang konsisten dalam ibadah dan akhlak yang terpuji. Manakala tahap lanjutan adalah persediaan untuk mampu melakukan dakwah.


Dalam konteks objektif silibus pula, terdapat empat (4) objektif utama yang merentasi semua tahap iaitu;

1. Melahirkan saudara baru yang berpengetahuan dalam perkara Fardhu Ain dan ilmu Islam serta mampu mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari dan dapat melaksanakan ibadah dengan baik.
2. Menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri saudara baru supaya mereka menjadi Muslim yang berperibadi mulia.
3. Membangunkan potensi setiap saudara baru yang mengikuti kelas agar mereka berjaya dalam kehidupan dan menjadi Muslim contoh.
4. Membentuk saudara baru menjadi da'i untuk berkongsi semula mengenai keindahan ajaran Islam kepada keluarga, rakan dan masyarakat.

ANALISA PENILAIAN KELAS BIMBINGAN SAUDARA BARU


Hasil analisis data adalah berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada peserta yang mengikuti kelas pengajian HCF. Analisis data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu demografi dan keberkesanan kelas Pengajian Islam.

Demografi




Rajah 4: Profil Responden

Rajah 4 menunjukkan seramai seramai 25 orang responden terdiri daripada peserta perempuan bersamaan 73.5% dan seramai 9 responden terdiri daripada peserta lelaki bersamaan 26.5%.



Rajah 5: Tahap Pendidikan

Rajah 5 menunjukkan tahap pendidikan responden. Tahap sekolah menengah iaitu seramai 22 orang peserta bersamaan 64.7% mewakili peratusan tertinggi peserta. Peratusan kedua tertinggi mewakili 4 orang peserta bersamaan 11.8% berpendidikan Diploma dan sekolah rendah. Manakala seramai seorang peserta bersamaan 2.9% tidak bersekolah, berpendidikan sekolah rendah, mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Terdapat ralat dalam peratusan ini kerana tahap Pendidikan PMR masih di peringkat sekolah menengah.




Rajah 6: Tempoh Pengislaman

Dalam rajah 6 menjelaskan majoriti yang telah memeluk Islam melebihi 5 tahun iaitu 85.3% iaitu 29 responden. Hanya 14.7% iaitu 5 responden yang telah memeluk Islam dalam tempoh 4 tahun.


Keberkesanan kelas pengajian Islam

Penilaian keberkesanan menggunakan skala likert dengan 5 skor. Skala 1 mewakili item sangat setuju, skala 2 mewakili setuju, skala 3 mewakili sederhana setuju, skala 4 mewakili tidak setuju dan skala 5 mewakili sangat tidak setuju.




Rajah 7: Modul Sesuai dengan Muallaf

Dari rajah 7 di atas, secara keseluruhannya peratusan tertinggi berada pada tahap sederhana setuju dengan jumlah peratusan 35.3%. Manakala 32.4% amat setuju dan 14.7% adalah setuju modul yang digunakan sesuai dengan muallaf. Ini menunjukkan bahawa kandungan silibus yang dirangka adalah sangat sesuai diaplikasikan kepada saudara baru.




Rajah 8: Tajuk Diajar Membantu Memahami Agama Islam

Secara keseluruhannya dari rajah 8 di atas menunjukkan 44.1% (15 responden) menyatakan tajuk-tajuk yang diajar sangat membantu mereka memahami agama Islam dengan lebih baik. Namun ada juga peserta yang menyatakan bahawa silibus yang diajar tidak membantu mereka memahami agama Islam iaitu seramai 10 responden bersamaan 29.4%. Justeru, daripada hasil dapatan ini, pihak penganjur disaran untuk menyemak (review) perincian silibus yang telah dirangka agar peserta dapat memanfaatkan kelas pengajian ini dengan sebaik mungkin




Rajah 9: Tajuk Diajar Membantu Berdakwah Kepada Ahli Keluarga

Rajah 9 di atas menunjukkan secara keseluruhannya tajuk-tajuk silibus yang diajar membantu mereka untuk menyampaikan dakwah kepada kaum keluarga dan masyarakat sekeliling mereka dengan jumlah peratusan 79.4%. Manakala jumlah peratusan yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju pada tahap yang rendah iaitu 20.5%. Justeru, dapat disimpulkan bahawa responden akan lebih berkeyakinan dan bersemangat untuk menyampaikan Islam kepada kaum kerabat dan orang sekeliling selepas mendalami tajuk-tajuk pengajian yang diajar dalam kelas.



Rajah 10: Bahasa Digunakan Mudah Difahami

Dalam konteks pemahaman kepada silibus yang digunakan majoriti adalah dalam mod yang positif. Ini dapat ditunjukkan dalam rajah 10 iaitu 32.4% (11 responden) adalah skala sangat setuju, 23.5% (8 responden) dan 20.6% (7 responden). Bahasa memainkan peranan yang penting dalam memahami pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung akan meningkatkan tahap kecerdasan minda dan mampu menggerakkan kepada tindakan. Minda positif akan melahirkan geraklaku yang baik.



Rajah 11: Guru Membantu Memahami Pelajaran

Rajah 11 menunjukkan peranan guru dalam memahami pelajaran adalah dalam peratusan yang tinggi iaitu 54.9% dengan jumlah 18 responden. Data ini mengukuhkan rajah 8, 9 dan 10 bahawa peranan guru yang sangat signifikan dan mencapai objektif silibus untuk melahirkan individu yang berpengetahuan, kompetensi dan berpotensi.

KESIMPULAN

HCF mempunyai model filantropi yang tersendiri dan unik. Ini membuktikan bahawa filantropi merupakan mekanisme yang sangat mapan dalam kelestarian sesebuah organisasi yang berdaya maju. Aplikasi filantropi yang anjal tetapi sistematik dan terfokus melalui instrumen pelbagai mengupayakan masyarakat untuk menyumbang. Dalam aspek pembangunan insan saudara baru pula, kelas bimbingan saudara baru menyumbang secara

signifikan bagi melahirkan ahli yang intelektual, berpengetahuan, berakhlak mulia, kompeten dan berdaya maju

RUJUKAN

Buku

- Abdul Rahman Ahmad. 2006. *Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy. h. 21.
- Alterman, Jon B. dan Hunter, Shireen. 2004. *The Idea of Philanthropy in Muslim Contexts*. Disediakan untuk USAID (United States Agency International Development). Washington: The Center for Strategic and International Studies.
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary. 2012. 4th Ed., Cambridge University Press.
- Chua, Y. P. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill: Malaysia Sd. Bhd.
- Dhesi Autar S. 1979. *Human Capital Formation and its Utilization*. New Delhi : Sterling.
- Faudzinain Badaruddin. 2006. *Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Modern*. Dalam: Ahmad Sunawari Long dan Zul'azmi Yaakob (Pnyt.), *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, h.132.
- Ismail, A. G. 2014. *Between Free Market and State Capitalism: How Islamic Economics System Shape the Future Global Economy? Islam: Global Issues, Challenges, and Perspectives of the 21st Century*, Doreen Peters (Pnyt).
- Klein, Kim. 2001. *Fundraising for Social Change*. 4th Ed. Oakland California: Chardon Press.
- Lofland, J., & Lofland, L. H. 1995. *Analyzing Social Setting*. New York: Columbia University Press.
- Mary Wood Cornog. 1914. Meriam Webster, Incorporated Springfield, Massachusetts, US.
- McCully, George. 2008. *Philanthropy Reconsidered: Private Initiatives*. Public Good.
- Noresah Baharom. 2007. Kamus Dewan. Cet 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert H. Bremner. 1960. *American Philanthropy*. Ed. 2. Daniel J. Boorstin (Pnyt.). Chicago: University of Chicago Press.
- Robert L. Payton. 1988. *Philanthropy: Voluntary Action for the Public Good*. Michigan: American Council on Education/Macmillan Publishing Company
- Schultz Theodore W. 1971. *Investment in Human Capital: The Role of Education and Research*. New York: The Free Press.
- Syed Othman al-Habshi. 1990. *Kaedah Pelaksanaan Berteraskan Islam di Malaysia*. Dlm: Mohd Syukri Salleh (Pnyt), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Seminar dan Prosiding

- Faridah Che Husain dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2007. *Pembentukan modal insan bersepadu melalui keberkesanan pendidikan akhlak individu Muslim*. Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III. Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah pada 2-3 Febuari 2007. Hotel Legenda: Kuala Lumpur.
- Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Zakila Abd Rahman. 2009. *Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat*. Dlm: International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009), 1-8. Pahang: Kuantan.
- Nik Mustapha Haji Nik Hassan. 2005. *Falsafah Pembangunan Negara Mengikut Kacamata Islam*. Dalam: Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj. Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor. h. 99.
- Razali Othman. 2017. *Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam*. Dibentangkan di Seminar Filantropi Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Sidek Baba. 2008. *Pembangunan Modal Insan dalam Pembangunan Negara*. Seminar Pembangunan Mohd Kamal Hassan (1988), Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. h. 250.

Jurnal

Mehmet, O. 1997. *Al-Ghazzali on Social Justice: Guidelines for A New world Order from An Early Medieval Scholar*. International Journal of Social Economics, 24(11).

Mohd Fauzi Hamad & Mohd Khairul. 2012. *Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia*. Jurnal Al-Tamadun. Bil. 7(1). Penerbit UM

Olivia Tournay Flatto. 2015. *The Case Of Philanthropy: Bringing Scientists And Philanthropic Donors Together, For Good*. Quality of Life. Bloomington: Author House.

Wawancara

Joannes Lukas, Pengarah Jabatan Dana, Hidayah Centre Foundation (HCF). 22 Julai 2022.

Muhammad Fakharuddin Abdul Kudos, Pengarah Perkhidmatan Korporat, Hidayah Centre Foundation (HCF). 9 Ogos 2020.

Dokumen

Laporan Tahunan Hidayah Centre Foundation 2020. Laporan Tahunan Hidayah Centre Foundation 2021.

Silibus Kelas Pengajian Islam Saudara Baru. Hidayah Centre Foundation. Tahap Asas.

Silibus Kelas Pengajian Islam Saudara Baru. Hidayah Centre Foundation. Tahap Pertengahan.

Silibus Kelas Pengajian Islam Saudara Baru. Hidayah Centre Foundation. Tahap Lanjutan.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.